

MODUL GERAK GEMPUR SET 2

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

1103/2

1103/2

SET 2

PERATURAN PEMARKAHAN

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **13** halaman bercetak.

PERATURAN PERMARKAHAN KERTAS 2

Markah penuh : 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada :

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 6 markah

Soalan 5 : 4 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata adjektif perasaan** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata adjektif perasaan** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.

SOALAN 1 : MORFOLOGI

Kata Adjektif Perasaan:

- i) suka
- ii) gembira
- iii) kecewa
- iv) cinta

Ayat:

- i) Dia sangat suka akan nasi lemak yang disediakan oleh ibunya.
- ii) Ibu berasa amat gembira kerana semua abang telah berjaya menjadi seorang pegawai tentera.
- iii) Cikgu Fairos berasa sangat kecewa atas kegagalan muridnya dalam pertandingan reka cipta tersebut.
- iv) Pihak kerajaan perlu memperkasakan semangat cinta akan negara dalam kalangan remaja di negara kita.

[8 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Bina **enam ayat perintah** yang lengkap dengan menggunakan kata perintah

1. Jangan **berhijrah ke bandar**
2. Usah **bimbang bonda**, saya akan menjaga keselamatan diri
3. Harap **anaknya menjaga dua perkara iaitu agama dan bangsa**.
4. Tolong **serahkan sejumlah buku untuk kawan lamanya bernama Munsyi**.
5. Minta **terus berjumpa dengan Munsyi setelah tiba di bandar**
6. Jemput **minum pagi bersama bonda**.

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Bahan 1

1. diterajui - dimonopoli
2. setengah - sesetengah
3. glamer - glamor
4. berkerja - bekerja
5. hidroelektrik -hidropotik
6. minima - minimum

Bahan 2

1. Supaya - untuk
2. Penawaran - permintaan
3. Menyelesai - menyelesaikan
4. Menganalisa - menganalisis
5. infra-merah - inframerah

[11 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu Klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 – 6
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	4 – 3
Isi <i>tidak</i> lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	1-2
Isi <i>tidak</i> lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	0
Ayat disalin bulat-bulat/Isi tidak mengikut urutan/salah fakta	0

Setelah dipandang/dilihat oleh orang Siam api tidak terbilang/terkira banyaknya, hulubalang Siam berkata “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tidak terbilang/terkira lagi. Jikalau/Kalau/Jika mereka datang apakah hal/nasib kita? Sedangkan sebuah perahunya tadi tidak kita terlawan.”

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Senaraikan peribahasa dan bina satu ayat bagi setiap peribahasa

1. Ada hati - orang yang mahu tetapi tidak berdaya [1 markah]

Ayat: Aiman ada hati terhadap Ana namun tidak berani untuk meluahkan perasaannya. [1 markah]

2. Adik angkat - orang lain yang dianggap seperti adik sendiri [1 markah]

Ayat: Khairul merupakan adik angkat kepada Khairil kerana mempunyai nama yang seakan sama. [1 markah]

3. Bagai pinang dibelah dua - sepadan [1 markah]

Ayat: Pasangan pengantin itu sangat secocok bagai pinang dibelah dua. [1 markah]

*Pilih mana-mana dua jawapan sahaja

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 12 markah

Soalan 7 : 13 markah

Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan <i>kurang</i> tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 3 markah : Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah : Pemahaman teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1@2 isi) / tidak menyentuh semua bahan /ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup isi (1 isi) / menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup(1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

5. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugasan / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugasan / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

i. Maksud *memandang enteng*. [2 markah]

P1 mengambil mudah [2 markah]

P2 menganggap mudah [2 markah]

P3 memandang mudah [1 markah]

[Maksimum: 2

markah] Nota: jawapan calon mesti berdasarkan bahan 1

ii. Tanda-tanda awal kemurungan? [3 markah]

Bahan 1

P1 perasaan sedih sepanjang hari.

P2 perasaan tidak bersemangat.

P3 tidak berminat melakukan aktiviti yang disukai.

P4 kesukaran untuk tidur.

P5 berasa letih dan kurang selesa.

Bahan 2

P1 sentiasa kelihatan sedih dan murung.

P2 hilang minat terhadap aktiviti yang dilakukan.

P3 gangguan tidur.

[isi cukup : 2 isi]

[Maksimum: 3 markah]

*isi dikira tidak cukup jika jawapan tidak menyentuh semua bahan.

iii. Kaedah-kaedah yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memastikan masyarakat di negara kita memiliki kesedaran tentang penyakit kemurungan [4 markah]

P1 menggunakan media massa untuk membuat penerangan tentang kemurungan kepada masyarakat.

P2 memastikan semua jabatan dan agensi kerajaan menitikberatkan isu kemurungan dalam perkhidmatan mereka.

P3 memastikan Kementerian Kesihatan Malaysia mengadakan program kesedaran tentang kemurungan di setiap daerah dalam Malaysia.

P4 memastikan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mendedahkan murid terhadap isu kemurungan.

P5 mengadakan kempen kesedaran tentang kemurungan.

P6 mengadakan ceramah tentang kemurungan.

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

Nota: Terima mana-mana isi yang sesuai.

- iv. Tindakan-tindakan yang anda dapat lakukan untuk meringankan masalah yang dihadapi oleh rakan anda tersebut. [4 markah]

P1 membantu membawa mereka mendapatkan penilaian dan rawatan daripada doktor.

P2 memberikan sokongan dan semangat kepada mereka.

P3 menjadi pendengar yang baik terhadap masalah mereka.

P4 bertanya khabar dan mengambil berat tentang diri mereka

[Maksimum:4 markah]

[Isi cukup:3 isi]

Nota: Terima mana-mana isi yang sesuai.

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

i. alasan-alasan yang diberikan oleh manusia untuk membangunkan kawasan hutan

P1 Balak ditebang kononnya untuk mencerahkan hutan

P2 Hendak menanam Musang King

P3 Membuat kuari

[maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

ii. kesan-kesan negatif sekiranya alam sekitar tidak dipelihara sebaiknya

Bahan 1

P1 Kepupusan hasil hutan

P2 Keindahan alam akan hilang

P3 Kehidupan manusia akan terjejas

Bahan 2

P1 Kepupusan khazanah hutan

P2 Banjir

Bahan 3

P1 Bumi akan kehilangan hutan rimba

P2 Udara di bumi akan terjejas

[maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

*isi dikira tidak cukup jika jawapan tidak menyentuh semua bahan.

iii. kepentingan-kepentingan memelihara dan memulihiara alam sekitar

P1 menjaga habitat flora dan fauna

P2 ekosistem bumi akan terpelihara

P3 mampu menarik kehadiran pelancong

P4 mencegah penyakit

P5 sebagai bekalan makanan kepada manusia

[maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iv. Tindakan saya

- P1 melaporkan kejadian ini kepada pihak berkuasa
- P2 menegur/menasihati individu tersebut
- P3 memberitahu individu tersebut kesan buruk perbuatan mereka
- P4 milarang mereka membuang sampah di sungai

[maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

SOALAN 8 - NOVEL

(i). Kolon atau usus dikatakan rumah penyakit kerana

- P1 Jika dalam seminggu kita tidak membuang air besar sekurang-kurangnya empat atau lima kali, kita akan mendapat penyakit sembelit.
- P2 Sembelit akan menyebabkan toksin dalam tubuh kita membebaskan bakteria jahat.
- P3 Bakteria jahat akan memakan bakteria baik yang kita perlukan untuk sistem keimunan tubuh kita

[Maksimum:4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi/fakta/peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi ulasan/ huraihan yang lengkap / jelas.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah.
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara gambaran seluruh.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

(ii) Peristiwa yang menggambarkan kerjasama dalam menjayakan sesuatu perkara

Jendela Menghadap Jalan

- P1 Peristiwa orang kampung bekerjasama untuk menangkap Haziq dan Rafik yang mencuri harta benda orang kampung
- P2 Peristiwa Lili, Danel,dan Geetha menyelesaikan masalah kubah surau
- P3 Peristiwa Geetha bekerjasama dengan Lili dan nenek untuk menyiapkan hidangan makan malam
- P4 Peristiwa datuk Lili,nenek Lili dan Abang Rashid yang bekerjasama membantu menyelamatkan Haziq dan Rafik yang menjadi mangsa kemarahan orang kampung
- P5 Peristiwa Lili,Puan Hamimah dan Cik Nadia menyelesaikan masalah keganasan dalam rumah tangga Che Jah.

Songket Berbenang Emas

- P1** Peristiwa Dahlia dan rakan-rakannya bekerjasama untuk menyiapkan kertas kerja yang diberikan oleh Cikgu Hisyam.
- P2** Peristiwa orang kampung bekerjasama mencari isteri Embong ,Saleha yang lari ke dalam hutan
- P3** Peristiwa Haji Sulaiman bekerjasama dengan pekerja dari Hospital Batu Pahat untuk membawa Saleha ke hospital bagi mendapatkan rawatan.
- P4** Peristiwa penduduk Kampung Parit Haji Rais bekerjasama memasak untuk menjayakan Majlis Maulidur Rasul di balai raya.
- P5** Peristiwa penduduk kampung bergotong-royong dan bekerjasama membina rumah Embong yang rosak dilanda banjir.

[Terima mana-mana dua isi daripada sebuah novel]

[Maksimum : 6 markah]

SOALAN 9 : RUMUSAN**BAHAGIAN C: RUMUSAN****[30 markah]**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

(a) Isi - **20** markah

(b) Bahasa - **10** markah

(a) Isi [20 markah]**Nota:**

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bahagian Isi Diterima							Markah Maksimum
(i) Pendahuluan									2
(ii) Isi Bahan 1									
Fokus 1 (Langkah / Usaha / Cara)	4	4	3	3	2	2	1		
Fokus 2 (Punca / Cabaran)	3	1	2	1	3	2	3		
(iii) Isi Bahan 2									16
Fokus 1 (Langkah / Usaha / Cara)	1	1	1	1	1	1	1		
Fokus 2 (Punca / Cabaran)	1	1	1	1	1	1	1		
(iv) Isi Bahan 3									
Fokus 1 (Langkah)	2	1	1	2	1	2	2		
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8		2
(v) Penutup / Kesimpulan								Jumlah Markah	20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> ■ Kesinambungan ayat sangat baik. ■ Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. ■ Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ■ Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> ■ Kesinambungan ayat baik. ■ Bahasa gramatis dan segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi ■ Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ■ Pengolahan menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> ■ Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik. ■ Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. ■ Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan <i>kurang</i> tepat. ■ Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan <i>kurang</i> berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> ■ Pada keseluruhannya, semua aspek dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi **7 markah ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual bahasa).
- (iii) Jika markah isi **6 markah ke bawah** tetapi bahasa *sangat baik*, markah **maksimum bahasa ialah 5**.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

	PENDAHULUAN	MARKAH
P1	Rumusan/petikan membincangkan langkah-langkah/ usaha-usaha / cara-cara/ kaedah untuk memperkasakan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR), kebaikan/kelebihan/kepentingan/manfaat dan halangan /kekangan / masalah / cabaran pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)	2
P2	Rumusan/petikan membincangkan langkah-langkah/ usaha-usaha / cara-cara/kaedah untuk memperkasakan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR), dan kebaikan/kelebihan/kepentingan/manfaat pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)	1
P3	Rumusan/petikan membincangkan langkah-langkah/ usaha-usaha / cara-cara/kaedah untuk memperkasakan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR), dan halangan /kekangan / masalah / cabaran dalam pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)	1
Isi [16 markah]		
	FOKUS 1: Bahan 1: Langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memperkasakan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)	
A1	guru digalakkan menggunakan pelbagai aplikasi instruksional dalam talian untuk membantu mereka menjadi kelas lebih kondusif untuk pembelajaran	2
A2	warga pendidik menyediakan modul bercetak yang boleh diambil oleh ibu bapa di sekolah	2
A3	guru-guru di kawasan pedalaman yang mengambil inisiatif meredah perjalanan yang sukar menghantar modul PdP	2
	Bahan 2: Langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memperkasakan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)	
B1	Latihan pendidikan perguruan berkaitan kaedah dan proses PdPR yang proaktif	2
B2	Menyediakan model pembelajaran hibrid iaitu gabungan pembelajaran dalam talian dan bersemuka	2
B3	Memasukkan kursus PdPR dalam kurikulum kursus perguruan di IPG & IPT	2
	FOKUS 2: Bahan 1: Kebaikan/kelebihan/kepentingan/manfaat pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)	
C1	dapat meningkatkan kemahiran teknologi	2
C2	pendidikan maya menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan mudah	2
C3	pelajar mempunyai kelebihan untuk mencari sendiri maklumat lebih lanjut tentang sesuatu topik yang dipelajari menggunakan enjin carian	2
C4	membuka peluang kepada pendidikan jarak jauh tanpa batasan	2
	FOKUS 3: Bahan 2: Halangan / kekangan / masalah / cabaran dalam pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)	
D1	Ketiadaan peranti ketika pembelajaran dalam talian	2
D2	Sikap pelajar ketika sesi pembelajaran dalam talian	2
D3	Masalah liputan Internet) yang belum menyeluruh khususnya luar bandar	2
D4	Kesukaran untuk menghasilkan perbualan dua hala antara guru dengan murid	2
KESIMPULAN		
	Semua pihak hendaklah bekerjasama memperkasakan proses memperkasakan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) agar pendidikan pelajar terus terpelihara walaupun dalam keadaan pandemik	2
	Semua pihak hendaklah bekerjasamamemperkasakan proses memperkasakan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)	1
(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)		

